

**PM Akan Lawat Pangkalan Tentera Udara Di Perth Pada Rabu
Bernama
31 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan melawat Perth, Australia pada Rabu ini untuk melihat sendiri operasi mencari pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang hilang di Lautan Hindi.

"Perdana Menteri kami memutuskan pergi ke Perth pada Rabu bagi lawatan kerja ke pangkalan tentera udara Pearce untuk melihat sendiri operasi dan mengucapkan terima kasih kepada kakitangan yang terlibat dalam usaha mencari pelbagai negara ini, termasuklah kakitangan dari Malaysia," kata Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada sidang akhbar di sini, Isnin.

Mengenai operasi mencari hari ini, Hishammuddin berkata sejumlah 10 pesawat dan 10 kapal terlibat dalam usaha itu yang merangkumi kawasan seluas 254,000 kilometer persegi di selatan Lautan Hindi.

Beliau berkata Indonesia juga memberikan 94 kebenaran terbang oleh pesawat dari sembilan negara di kawasan udaranya sebagai sebahagian daripada usaha mencari itu.

Pesawat Boeing 777-200ER itu yang membawa 239 penumpang dan anak kapal, hilang pada 8 Mac, setelah sejam berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam. Ia sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari sama.

Pada 24 Mac lepas, Najib telah mengumumkan bahawa (lalu penerbangan) MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi berdasarkan analisis terperinci data satelit.

Hishammuddin, yang juga Menteri Pertahanan, berkata beliau akan ke ibu pejabat Pusat Pemerintah Pasifik Amerika Syarikat di Hawaii pada Selasa untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan Amerika Syarikat-Asean.

Bagi pihak kerajaan Malaysia, katanya beliau akan berkongsi maklumat mengenai perkembangan terkini pencarian MH370 dengan rakan-rakan sejawatannya dari negara-negara Asean dan kerajaan Amerika Syarikat.

"Saya akan menyampaikan penghargaan tertinggi Malaysia kepada rakan-rakan Asean dan Amerika Syarikat di atas bantuan mereka yang tidak ternilai dalam usaha mencari pelbagai negara ini," kata beliau.

Menurutnya beliau akan berbincang mengenai kemungkinan menggerakkan lebih banyak aset

ketenteraan tertentu, sekiranya Malaysia perlu melaksanakan fasa yang lebih rumit bagi operasi itu ni.

Mengenai anggota keluarga mereka menaiki pesawat MH370 itu, Hishammuddin berkata kerajaan akan mengadakan taklimat peringkat tinggi tidak lama lagi bagimemaklumkan mereka mengenai perkembangan terkini usaha pencarian MH370.

"Kami berada dalam keadaan yang sukar. Soalan yang keluarga-keluarga ini mahukan jawapannya, ialah soalan yang kami sendiri tidak ada jawapan - iaitu di mana orang kesayangan mereka berada dan di mana MH370," kata beliau.

Beliau berjanji Malaysia akan meneruskan usaha pencarian itu dan terus menyiasat selain tidak akan berputus asa sehingga ia mengetahui apa yang berlaku kepada pesawat MH370.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026538>